

Newspaper	Berita Harian
Date	8/3/2013

2 NASIONAL

© JUMAAT 8 MAC 2013 BH

Wartawan: M Thillinadan, Veena Rusli, Hassan Omar, Wan Faizal Ismayatim, Suzianah Jiffar, Amin Ridzuan Ishak, Safeek Affendy Razali, Mohd Izham Unnip Abdullah, Poliana Ronnie Sidom, Willie Jude Junaidi dan A Samad Manaf
bhnews@bharian.com.my Jurugambar: Zainal Abd Halim, Datu Ruslan Sulai, Edmund Samunting, Zunnur Al-Shafiq, Mohd Radzi Bujang, Malai Rosmah Tuah, Osman Adnan dan Mohd Adam Arinin



Najib bersalaman dengan pasukan keselamatan sambil diperhatikan Ahmad Zahid dan Hishammuddin di FELDA Sahabat, Lahad Datu, semalam.

Sabah milik Malaysia

BH-8/3/2013

» Usah ada pihak pandang ringan iltizam kerajaan: Najib

■ Lahad Datu

Datuk Seri Najib menegaskan Sabah adalah hak milik Malaysia dan tidak ada mana-mana pihak boleh mempertikaikannya.

Justeru, Perdana Menteri memberi amaran supaya jangan ada pihak memandang ringan iltizam kerajaan menegakkan Sabah sebagai sebahagian daripada Malaysia.

"Kita akan mempertahankan kebenaran ini secara mutlak dengan kekuatan. Kedu-

dukan Sabah sebagai wilayah Malaysia adalah berdasarkan aspek perundangan dan suara rakyat Sabah sendiri.

"Saya ingin memberi keyakinan khususnya kepada rakyat Malaysia di Sabah, dalam soal keselamatan dan kedaulatan, kerajaan akan lakukan apa saja untuk menjamin kedaulatan Sabah," katanya pada sidang media selepas meninjau Ops Daulat, di Kampung Tanduo dekat sini, semalam.

Menurutnya, berdasarkan undang-undang, Sabah diserahkan kepada British (melalui perjanjian) pada 1878, manakala pungutan suara dikendalikan Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan Kerajaan British, membuktikan rakyat Sabah memilih menyertai Malaysia pada 16 September 1963.

Tiada tolak ansur

Sehubungan itu, Malaysia tidak akan bertolak-ansur dengan mana-mana pihak yang mempertikaikan aspek perundangan dan sejarah berkenaan, apatah lagi jika cuba menakluki wilayah milik Malaysia.

"Saya ingin menegaskan, polemik sama ada Sabah milik Malaysia atau sebaliknya, tidak harus dibangkitkan lagi.

"Keputusan Suruhanjaya Cobbold menunjukkan lebih dua pertiga rakyat Sabah pada masa itu bersetuju negeri ini menjadi sebahagian Malaysia dan ia diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya.

Najib berkata, dari aspek undang-undang, rakyat mana-mana negara mempunyai hak

untuk menentukan dan suara rakyat yang dipungut secara demokratik tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa pun.

Kumpulan pengganas Sulu itu menceroboh Kampung Tanduo pada 12 Februari lalu atas alasan mahu menuntut Sabah bagi pihak Kesultanan Sulu. Mengikut sejarah, Sultan Sulu, Sultan Mohamet Jamal Al Alam menyerahkan Sabah kepada Syarikat Borneo Utara British menerusi perjanjian pada 1878.

Pada 1963, Suruhanjaya Cobbold yang ditubuhkan British mengadakan pungutan suara di Sabah dan lebih dua pertiga penduduknya ketika itu memilih menyertai Malaysia dan ia menjadi kenyataan pada 16 September 1963.

Najib puas hati

Mengenai lawatannya, Perdana Menteri berkata, beliau diberi taklimat terperinci mengenai Ops Daulat oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin;

"Saya ingin melahirkan rasa puas hati atas keberhasilan operasi bersama polis dan tentera dengan banyak kejayaan dicapai untuk menumpaskan kumpulan penceroboh militan yang masuk negara kita," katanya.

FAKTA

Suruhanjaya Cobbold

- Dibentuk pada 17 Januari 1962.
- Bertujuan meninjau pandangan sebenar penduduk Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak mengenai pembentukan Malaysia.
- Dipengerusikan bekas Gabenor Bank England, Lord Cobbold, manakala H Harris sebagai Setiausaha.
- Dianggotai dua wakil Kerajaan British, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston serta dua wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Datuk Wong Pow Nee dan Mohd Ghazali Shafie (Allahyarham Tun).
- Menemui lebih 4,000 orang dan menerima 2,200 memorandum daripada pelbagai pihak sepanjang tempoh Februari hingga April 1962.
- Secara keseluruhan, lebih 80 peratus penduduk bersetuju menyertai Malaysia.
- Laporan suruhanjaya diserahkan kepada Kerajaan British pada 21 Jun 1962.

Perjanjian Sultan Sulu 1878

- Sultan Sulu menandatangani perjanjian dengan Baron de Overbeck dan Alfred Dent yang mewakili Syarikat Piagam Borneo British untuk menyerahkan hak dan kuasa selama-lamanya sebagai balasan penerimaan bayaran pampasan \$5,000 dolar Malaya setahun.
- Perjanjian menyatakan bahawa pajakan adalah kehendak sendiri dan sah sehingga akhir zaman.
- Kesultanan Sulu menerima pembayaran serahan tahunan bersamaan dengan \$5,000 dolar Malaya, yang kemudian meningkat kepada \$5,300 dolar Malaya pada 1903.
- Borneo Utara berada di bawah naungan British dari akhir abad ke-19.
- Kawasan itu mendapat tempoh singkat kemerdekaan sebelum menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia pada 1963.
- Sejak itu, Malaysia membayar RM5,300 sebagai bayaran serahan setiap tahun kepada Kesultanan Sulu.